

**SOALAN NO.: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]  
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan apakah usaha atau persiapan yang dilakukan oleh  
Kementerian untuk berhadapan dengan kejatuhan harga dan  
kemerosotan pengeluaran getah berikutan faktor cuaca. Jika  
dibandingkan, Disember lalu harga SMR 20 naik 9 sen kepada 524 sen  
sekilogram, manakala pada 10 Februari 2015, harganya telah turun ke  
494.5 sen sekilogram; iaitu penurunan sebanyak 29.5 sen.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi utama yang lain bergantung kepada keadaan pasaran antarabangsa. Sejak suku tahun ketiga 2014, harga getah telah mengalami tren penurunan yang disumbangkan oleh antara lain, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Kerajaan memahami kesan penurunan harga getah kepada pendapatan para pengusaha tanaman getah, di mana hampir 92% daripada pengusaha tanaman getah negara terdiri daripada pekebun kecil di luar bandar. Bagi menangani penurunan harga getah dan memastikan pendapatan para pekebun kecil tidak terjejas, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah domestik seperti berikut:

- i. Mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga SMR 20 *Free on Board* (FOB) dan harga yang diterima oleh pekebun kecil mulai bulan November 2014. Mekanisme ini juga melibatkan penyertaan koperasi dalam urusniaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli. Bagi maksud ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urusniaga; dan

- ii. Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. Di bawah IPG, Kerajaan akan menyediakan insentif sebanyak RM0.30 sekilogram bagi *cuplump* dan maksimum RM0.90 sekilogram lateks berdasarkan kepada kandungan getah kering apabila harga purata SMR 20 FOB menurun ke paras RM4.60 sekilogram dan ke bawah. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia akan menganjurkan mesyuarat peringkat Menteri, *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) pada 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini bertujuan antara lain, untuk membincangkan kaedah mengimbangi penawaran dan permintaan getah asli dunia. Dalam hal ini, negara-negara ANRPC menghasilkan hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Selain itu, Malaysia juga akan meneruskan kerjasama di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Thailand dan Indonesia. Ini termasuk meningkatkan penggunaan getah asli dan kerjasama hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru berdasarkan getah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan pengeluaran getah asli adalah diunjurkan jumlah pengeluaran getah negara pada tahun 2015 adalah sebanyak 700,000 tan berbanding dengan 665,480 tan pada tahun 2014. Peningkatan pengeluaran getah asli pada tahun 2015 disumbangkan oleh kawasan tanaman matang yang baru di seluruh negara .

Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan meneruskan usaha-usaha untuk memperkuatkan pembangunan industri getah agar para pengusaha tanaman getah memperoleh manfaat melalui harga yang stabil. Ini termasuk meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru nilai tambah, meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara dan menyediakan bantuan bagi aktiviti tanam semula kepada pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.